

PM ketuai delegasi ke ASEAN-US Special Summit

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob akan mengetuai delegasi Malaysia ke Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Amerika Syarikat (ASEAN-US Special Summit) di Washington, pada Khamis dan Jumaat ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah, berkata selain beliau, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali serta Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan juga akan mengiringi perdana menteri ke persidangan khas itu.

Beliau berkata, persidangan akan bermula dengan beberapa siri pertemuan pada Khamis ini dengan kemuncak pertemuan pada jam 3 petang Jumaat ini apabila Presiden Amerika Syarikat, Joe Biden mengadakan pertemuan dan mesyuarat dengan ketua kerajaan ASEAN.

Katanya, Ismail Sabri dijangka mengutarakan beberapa isu se-

rantau seperti Myanmar dan isu antarabangsa lain pada persidangan itu.

“Malaysia anggap pertemuan ini penting sebab Amerika Syarikat adalah antara negara dialog ASEAN,” katanya dalam wawancara khas bersama beberapa media tempatan di pejabatnya di sini, kelmarin.

Selain Presiden Filipina, Rodrigo Duterte dan ketua junta Myanmar, Jeneral Kanan Min Aung Hliang, semua lapan lagi ketua kerajaan negara ASEAN akan menyertai Sidang Kemuncak Khas itu.

Duterte tidak dapat hadir kerana proses pilihan raya negara itu minggu depan, manakala ketua junta Myanmar tidak dijemput berikutan pergolakan politik dalaman negara itu.

Kali terakhir Amerika Syarikat menjadi tuan rumah kepada persidangan khas itu adalah pada Februari 2016 di Sunnylands, California.

Pada Mac 2020, ia sepatutnya diadakan di Las Vegas, tetapi dibatalkan berikutan pandemik global COVID-19.

Menurut laman web ASEAN, Amerika Syarikat terus kekal sebagai rakan dagang penting ASEAN dengan perdagangan dua hala pada 2020 dengan nilai dagangan mencapai AS\$308.3 bilion, menjadikan negara itu rakan dagang kedua terbesar ASEAN dalam kalangan rakan dialog.

Amerika Syarikat juga adalah sumber terbesar pelaburan langsung asing (FDI) pada 2020 dengan aliran masuk pelaburan berjumlah AS\$34.7 bilion.

ASEAN yang ditubuhkan pada 1967 dianggotai Malaysia, Brunei, Indonesia, Kemboja, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Kemboja adalah Pengerusi ASEAN untuk 2022, manakala Indonesia negara koordinator ASEAN dan Amerika Syarikat.

BERNAMA